

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diperkenalkan Kementerian dalam memastikan harga barangan di kedai-kedai runcit kendalian warga asing khasnya Aceh dan Pakistan agar tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa memastikan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan sepanjang masa bagi menangani pihak-pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya serta pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga.

Pemantauan dan pemeriksaan harga secara berkala dan proaktif dilaksanakan ke atas premis-premis perniagaan di bawah Akta Kawalan Harga Antipencatutan 2011. Antara tindakan yang dilaksanakan bagi menyekat kenaikan harga adalah :

- i. **Pemantauan dan penguatkuasaan** yang lebih agresif meliputi **seluruh rangkaian pengedaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan** di seluruh negara merangkumi pelbagai jenis perniagaan **termasuklah kedai runcit kendalian warga asing khususnya Aceh dan Pakistan, pasaraya, pasar awam, kedai makan, kedai kek dan roti, kedai pakaian, bengkel kenderaan dan lain-lain premis**. Bermula daripada **18 Mac 2020** sehingga **30 November 2020**, sejumlah **497,756 premis perniagaan telah diperiksa** bagi memastikan pematuhan semua undang-undang yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP. Premis perniagaan tersebut merangkumi pelbagai jenis perniagaan seperti **kedai runcit, pasaraya, kedai serbaneka, farmasi, kedai kek dan roti, kedai pakaian, bengkel kenderaan dan lain-lain premis**. Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak **4,758 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah **RM60,713,521.00**. Sebanyak **3,474 kes telah dikompaun** sepanjang tempoh ini dengan nilai **kompaun berjumlah RM1,513,902.00**.
- ii. Penguatkuasaan pencatutan dengan **pengeluaran notis pengesahan maklumat harga atau caj bagi perkhidmatan**

dan **notis bertulis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011** untuk mengesan sama ada kenaikan harga tersebut adalah mengikut perundangan yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, sebanyak **4,667 notis** telah dikeluarkan terhadap **pengeluar, pemborong dan peruncit barangan termasuk pengusaha perkhidmatan** di seluruh negara

- iii. **Pemeriksaan tanda harga** di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 yang mewajibkan peniaga meletak tanda harga ke atas barangan yang dijual.
- iv. Pelaksanaan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara.
- v. Mengadakan **program libat urus** untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama dengan peniaga dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan.
- vi. Meningkatkan **keberadaan (*omnipresence*)** pegawai-pegawai penguat kuasa di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna bagi mewujudkan ruang persekitaran perniagaan yang kondusif dan beretika.
- vii. Menyediakan aduan melalui pelbagai saluran sedia ada di Kementerian seperti **aplikasi whatsapp KPDNHEP 019-2794317, Portal E-Aduan, aplikasi telefon pintar Ez Adu, talian hotline KPDNHEP 1-800-886-800** dan **hadir sendiri ke mana-mana pejabat / cawangan KPDNHEP yang berhampiran.**

Sekian, terima kasih.